



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 34 / 2024

PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI N.29 MAHKOTA, JOHOR

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh Hari Penamaan Calon (HPC) **PRK Dewan Negeri N.29 Mahkota, Johor**, pada **14 September 2024 (Sabtu)**. Kertas penamaan calon hendaklah diserahkan dari pukul **9:00 pagi sehingga 10:00** pagi kepada Pegawai Pengurus di Pusat Penamaan Calon (PPC) di **Dewan Tunku Ibrahim Ismail, Kluang** oleh pihak-pihak seperti berikut:
 - a. calon, pencadang dan penyokong; atau
 - b. mana-mana dua (2) orang daripada mereka; atau
 - c. mana-mana seorang daripada mereka.

2. SPR menyarankan kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding agar mengisi borang dan membuat semakan awal dengan **Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Johor** sebelum HPC serta membuat pembayaran deposit lebih awal. Resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada HPC sebagai bukti pembayaran.
3. Manakala bakal-bakal calon yang mewakili mana-mana parti politik pula hendaklah mengemukakan surat kebenaran penggunaan simbol parti yang diwakili apabila membuat penyerahan Kertas Penamaan Calon.
4. Penggunaan semua jenis alat muzik ataupun pembesar suara bagi tujuan diayah politik melalui kenderaan serta larangan menunggu atau berada dalam jarak 50 meter dari sempadan yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan pada HPC dan merupakan satu kesalahan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5]**.

5. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta 5, adalah juga tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan.

6. SPR menyeru kepada bakal-bakal calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan proses penamaan calon yang dilaksanakan dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

12 September 2024 / 8 Rabiulawal 1446H